

18/09/1998

Penurunan julat merangsang ekonomi

Kadir Dikoh

LANGKAH terbaru Bank Negara Malaysia (Bank Negara) mengarahkan institusi perbankan menurunkan kadar maksimum julat iaitu margin keuntungan yang diraih bank perdagangan di atas kadar asas pinjaman (BLR), melegakan kebanyakan pihak.

Penurunan margin kepada 2.5 peratus daripada empat peratus sebelum ini, memberi isyarat bahawa bank sudah mula bertolak ansur dan sanggup 'berkorban' untuk 'tidak meraih keuntungan maksimum' daripada pelanggan mereka dalam keadaan ekonomi yang masih gawat.

Seruan supaya bank menurunkan kadar julat bukan perkara baru. Beberapa bulan kebelakangan ini termasuk di perhimpunan agung Umno Jun lalu, banyak pihak menyuarakan saranan supaya bank tidak terlalu memikirkan keuntungan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini berkali-kali mengingatkan bank supaya menurunkan kadar faedah dan julat.

Semua orang tahu rejim kadar faedah tinggi adalah antara resipi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kononnya mampu memulihkan ketenatan ekonomi. Sebenarnya ia boleh menjerat ekonomi negara pengamalnya kerana ia boleh membantut semua kegiatan ekonomi dan membelenggu kegiatan perbankan berikutan dasar kekangan kredit.

Pengumuman Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman mengenai penurunan julat adalah untuk menarik semula pembiayaan bank kepada orang ramai bagi merangsang kegiatan ekonomi termasuk sektor prasarana dan perumahan. Kadar faedah tinggi yang dicerminkan BLR yang ditambah pula kadar julat sehingga setinggi empat peratus sejak setahun lalu memang 'menghantui' orang ramai termasuk golongan korporat selain rakyat biasa yang membuat pinjaman seperti perumahan sejak kenaikan mendadak kadar faedah mulai Disember lalu.

Sebelum ini, bank pusat itu sudah mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) institusi kewangan daripada setinggi 13.5 peratus awal tahun ini kepada cuma empat peratus mulai 16 September ini. Setiap pengurangan satu peratus SRR menjana RM4 bilion ke dalam sistem perbankan.

Minggu lalu, Ali Abul membayangkan SRR akan diturunkan dua peratus lagi 'pada masa yang sesuai'. Pengurangan SRR turut mengurangkan kadar campur tangan antara bank tiga bulan Bank Negara yang seterusnya mempengaruhi penurunan BLR.

Dua minggu lalu, Bank Negara sekali lagi menurunkan kadar campur tangan itu daripada 9.5 peratus kepada lapan peratus iaitu penurunan bagi kali keempat dalam tempoh lebih sebulan sejak 3 Ogos lalu dan keenam bagi tahun ini. Berikutan penurunan terbaru kadar campur tangan itu, kadar maksimum BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan turun ke paras 9.06 peratus dan 10.76 peratus masing-masing.

Kadar campur tangan adalah tahap yang mana Bank Negara memberi pinjaman kepada bank. Tahap itu akan mempengaruhi kadar pinjaman antara bank dan seterusnya BLR iaitu kadar yang dikenakan kepada pengguna.

Sekarang semua asas utama yang 'menghantui' peminjam bank selama kegawatan ini sudah 'dikikis' dan ini bermakna kadar faedah secara automatik menjadi lebih rendah. Purata bank kini mengenakan BLR pada kadar 9.05 peratus dan ia kemungkinan besar akan turun lagi jika SRR dipotong dua peratus lagi 'pada masa yang sesuai'. SRR adalah dana yang perlu disimpan bank tanpa faedah di Bank Negara.

Sebenarnya, bank tidak rugi berikutan penurunan kadar julat. Berdasarkan

teori ekonomi, kadar julat yang rendah boleh meragut margin keuntungan bank kerana institusi itu tidak meraih untung apabila BLR naik kerana BLR cuma mencerminkan kos pembiayaan yang ditentukan pasaran. Yang menentukan keuntungan bank ialah julat.

Tetapi, kadar deposit rendah dan kos pembiayaan antara bank yang sudah rendah berikutan pengurangan kadar campur tangan tiga bulan, boleh bertindak sebagai gantian (offset) margin keuntungan yang dikurangkan.

Ini bermakna, keadaan sekarang adalah `sama-sama menang' bagi bank dan orang ramai. Orang ramai mudah mendapat pinjaman untuk menjalankan semula kegiatan perniagaan mereka atau mendapat pembiayaan bank untuk membeli rumah atau kereta.

Ini boleh menceriaikan semula sektor hartanah, automotif dan prasarana kerana sejak kebelakangan ini, misalnya banyak rumah yang dibina tidak laku bukan saja kerana payah mendapat pinjaman bank, malah kadar faedah tinggi menjerat pembeli. Bagi yang sudah membeli dan membuat pinjaman perumahan, mereka terpaksa menambahkan bayaran ansuran bulanan atau tempoh pembayaran balik bank dipanjangkan, bererti, peminjam membayar lebih.

Kini berikutan langkah baru itu, semakin ramai pengguna membuat pinjaman bank. Perniagaan bank pula semakin berkembang. Apabila kadar faedah rendah, peminjam tidak menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman dan dengan itu, mengurangkan masalah pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan.

Mungkin selepas ini, klasifikasi tiga bulan bagi NPL dikaji semula untuk diturunkan kepada kadar enam atau lapan bulan dan dengan itu membebaskan bank daripada masalah NPL yang semakin meningkat. Dalam keadaan ini, hayati Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) iaitu jentera khas ditubuhkan untuk mengambil alih NPL sistem perbankan, mungkin lebih pendek.

Dengan kira-kira RM14 bilion akan mengalir ke dalam sistem perbankan berikutan pengurangan SRR dan melalui penurunan nisbah aset mudah tunai bank perdagangan daripada 17 peratus kepada 15 peratus, berkuatkuasa 16 September ini, akan membekal lebih banyak dana. Jumlah itu adalah aset cair yang akan digunakan bagi kegiatan pembiayaan oleh bank perdagangan.

Nescaya, sasaran dikehendaki Bank Negara supaya institusi perbankan mencapai kadar pertumbuhan pinjaman tahunan minimum sebanyak lapan peratus menjelang akhir tahun ini, boleh dijangkau dengan mudah.

Khamis lalu, Dr Mahathir berkata, bank perlu mencapai sasaran lapan peratus pemberian pinjaman itu kerana "jika mereka tidak melakukannya, bermakna mereka tidak menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah bank". Perdana Menteri berkata, Bank Negara menetapkan pertumbuhan pinjaman 15 peratus pada permulaan tahun ini tetapi bank memberi reaksi negatif dan tidak memberi banyak pinjaman sehingga menyebabkan pertumbuhan kredit hanya pada tiga peratus. Bagi menjamin institusi perbankan mematuhi arahan, Ali Abul dalam pertemuan keduanya dengan ketua eksekutif bank kelmarin, sejak mengetuai bank pusat itu, bagaikan memberi kata dua dengan ungkapan tegas iaitu: "kita akan mengawasi kemajuan institusi perbankan dalam kegiatan pembiayaan mereka setiap minggu. Bank yang tidak menunjukkan kemajuan, akan dipanggil untuk berbincang dengan Bank Negara".

Apa yang ingin dilihat sekarang ialah apakah reaksi orang ramai termasuk golongan korporat terhadap kelonggaran dasar kewangan itu? Apakah mereka mula mengkaji semula projek raksasa yang terbengkalai selama ini berikutan rejim kadar faedah tinggi serta kekangan kredit bank? Apakah sektor hartanah terutama bagi rumah berharga lebih RM150,000 yang masih menerima permintaan tinggi, akan ceria semula apabila orang ramai kembali mendapat pinjaman bank dengan mudah dan pada kadar faedah munasabah?

Apabila ekonomi domestik dapat digerak semula, maka akan lebih cepatlah pemulihan ekonomi. Adalah dijangkakan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) akan mencapai angka positif sekurang-kurangnya akhir tahun depan jika kelonggaran dasar kewangan yang dilakukan sekarang mula menampakkan hasil.

(END)